

Headline	Kerjasama UMT-FRIM pulihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	665 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 13,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,792



Kerjasama UMT-FRIM pulihara hutan

Pokok gelam antara yang dikenal pasti berpotensi untuk terus dikekalkan

Oleh LAUPA JUNUS

PENYELIDIKAN biodiversiti hutan di negara ini terus diperhebatkan dengan termeterainya kerjasama strategik antara Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), menjadi satu sinergi yang akan memfokus kepada kajian isu-isu mendesak dalam bidang berkaitan.

Menerusi jalinan kerjasama tersebut, beberapa langkah telah dan akan dilaksanakan termasuk pertukaran maklumat berkaitan penyelidikan perhutanan dan pembelajaran peringkat tinggi dan pembinaan kapasiti penyelidik tenaga pengajar dan pelajar.

Kerjasama lain antaranya pertukaran bahan penerbitan akademik serta penganjuran bersama program promosi dan kempen.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komoo berkata, penyelidikan mengenai biodiversiti hutan perlu segera dilaksanakan memandangkan kadar kemusnahan hutan untuk tujuan

pembangunan kini semakin membimbangkan.”

“Stesen Penyelidikan Setiu kini sedang menggiatkan usaha menjalankan penyelidikan ekosistem terpinggir termasuk hutan gelam demi kepentingan sains dan komuniti setempat,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMT dan FRIM di Kepong baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod; Ketua Program Kesihatan dan Pemuliharaan Hutan FRIM, Dr. Lee Su See; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof Dr. Mohd. Effendy Abdul Wahid; Dekan Fakulti Sains dan Teknologi, Prof Dr.

Tengku Sifzizul Tengku Mohamad dan Ketua Jabatan Sains dan Biologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Dr. Faridah Mohamad.

Menerusi kerjasama tersebut, Fakulti Sains dan Teknologi UMT akan menjadi penggerak bagi pihak universiti manakala FRIM menerusi Program Kesihatan dan Pemuliharaan Hutan.

Menurut Dr. Ibrahim lagi beberapa kerjasama telah pun dimulakan termasuk penempatan pelajar bagi latihan industri di FRIM, penempatan kakitangan untuk latihan sabatikal, pertukaran pelajar pasca siswazah dan juga pelantikan pegawai FRIM sebagai profesor adjung jabatan di UMT.

Perjanjian tersebut juga menyaksikan kesediaan FRIM membiayai pengajian pelajar di peringkat doktor falsafah (Phd) dalam bidang berkaitan termasuk kesihatan hutan selain penggunaan makmal dan kemudahan di institusi terbabit.

Dr. Ibrahim berkata, kerjasama tersebut juga wajar dilihat sebagai usaha menggembelng kepakaran melibatkan dua pihak memberi bagi mewujudkan satu satu sinergi dan kekuatan dalam mengurus flora dan fauna akuatik dan daratan yang melibatkan kepentingan bersama.

Sebagai contoh, penyelidikan mengenai hutan gelam antara yang perlu diberi perhatian memandangkan Terengganu memiliki kawasan hutan jenis itu yang sangat luas serta hutan di sekitar Gunung Gagau yang masih belum diterokai.

Dalam perkembangan sama UMT kata beliau, telah memperluaskan skop marin dengan memasukkan sumber akuatik yang meliputi, tasik, sungai, kawasan berpaya, kawasan transisi daripada laut, darat dan sungai sebagai fokus UMT.

Dalam pada itu menurut Dr. Abdul

Latif, kajian FRIM mendapati, kira-kira 20 peratus keunikan hutan di negara ini terdapat di Terengganu.

Katanya, kawasan hutan tersebut sewajarnya diberi perhatian termasuk menjalankan kajian mengenainya memandangkan khazanah tersebut merupakan satu sumber kekayaan pada masa akan datang.

Biodiversiti hutan kata beliau perlu mengambil kira kesihatannya supaya haiwan tidak wujud konflik antara haiwan dan manusia.

“Saya mahu melihat perjanjian kerjasama ini sebagai satu bukti kesungguhan kita menghargai hutan dan menghargai khazanah negara,” ujarnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Latif memberitahu, sehingga Julai lalu, FRIM telah menandatangani memorandum persefahaman dengan sembilan organisasi bagi memperkasa aktiviti penyelidikan dan pembelajaran (R&D) bidang perhutanan selain berkongsi kepakaran, kemudahan peralatan teknologi dan dana penyelidikan.

Organisasi tersebut termasuk industri, perdagangan dan serta institusi pengajian tinggi.

Stesen Penyelidikan Setiu kini sedang menggiatkan usaha menjalankan penyelidikan ekosistem terpinggir termasuk hutan gelam demi kepentingan sains dan komuniti setempat

Headline	Kerjasama UMT-FRIM pulihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	665 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 13,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,792



DR. ABDUL LATIF MOHMOD

DR. IBRAHIM KOMOO



DR. ABDUL Latif Mohmod (dua dari kiri) dan **DR. Ibrahim** Komoo bertukar tukar dokumen selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara FRIM dan UMT di Kepong baru baru ini. Turut hadir Dr. Lee Su See (kiri) dan Dekan Dr. Tengku Sifzizul Tengku Mohamad.